

# Agama Islam di Malaysia

Makalah ini kita petik secara langsung dari buku cenderamata “Menara” yang diterbitkan oleh pelajar-pelajar Kolej Islam Klang bersempena dengan “Hari Pasar Raya” yang telah diadakan oleh kolej tersebut pada bulan Julai 1968 yang lalu.

Kita mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada ketua pengarang “Menara” Awangku Muhammad Rahman, dan penasihat penerbitan “Menara” Al-Ustaz Haji Ishak Muhammad Rejab yang telah memberi kebenaran kepada kita memetik dan menyedut dengan bebas keseluruhan makalah yang terkandung di dalam “Menara” – Pengarang.

Oleh: Hashim Sidek

## **Musuh-musuh Islam:**

Agama Islam di tanah air kita pada hari ini merupakan agama yang ramai sekali penganutnya. Mengikut banci empat atau lima tahun dahulu penganut-penganut Islam di Malaysia lebih kurang 68%, bilangan ini termasuk orang India yang bermazhab Hanafi dan sedikit-sedikit suku bangsa lain yang telah memeluk agama Islam. Mengikut bancian tersebut dapat memberikan kepada kita kadar bilangan yang terbesar jika dibandingkan dengan ramai penduduk. Tetapi bolehkah kita berbangga dengan bulangan tersebut? Mengikut perkembangan sekarang kita sama sekali tidak boleh bermegah-megah dengan bilangan itu kerana di sana telah ada musuh-musuh besar agama Islam. Musuh-musuh itu telah, sedang dan akan menjalankan beberapa cara untuk meleburkan agama kita. Musuh itu terdiri dari agama Kristian dan ancaman fahaman komunis yang terang-terang memusuhi agama. Tetapi nampaknya musuh yang kedua ini bolehlah kita mengenepikannya buat sementara waktu kerana bahaya-bahaya itu mungkin tidak begitu jelas di negara kita yang menjalankan dasar demokrasi yang menolak fahaman komunis. Bahaya yang lebih dekat kepada

kita ialah agama Kristian yang kian hari kian ramai penganutnya. Kadang-kadang kita berasa hairan dan menggelengkan kepala melihatkan berapa mudah dan senangnya ia mengikat orang-orang masuk ke dalam agama Kristian dan menjalankan jarumnya sehingga kalau kita tidak berjaga-jaga mungkin terjebak ke dalamnya. Dalam memasukkan pengaruhnya, mereka membuat bermacam-macam cara, setengah-setengah mereka membuat budi dan menolong orang yang menderita, setelah itu ditinggalkan risalah-risalah yang berupa dakyah untuk menarik orang yang ditolongnya tadi.

## **Kelemahan Orang-orang Islam:**

Cara ini mendapat kejayaan yang besar kerana berapa banyak orang yang beragama Islam sendiri tidak memperdulikan kesusahan orang yang seagama dengannya. Di sinilah letaknya kelemahan orang-orang kita yang beragama Islam. Dan di sinilah juga hati kecil orang yang menderita tadi tertanya-tanya benarkah agama Islam agama yang baik, tolong-menolong, bekerjasama di antara orang-orang kaya dan miskin? Pertanyaan itu akan mengelirukan mereka bila mereka membandingkan betapa besarnya pertolongan

orang-orang Kristian ketika mereka dalam kesusahan. Di sinilah pertarungan jiwa mereka akan timbul dan kalau tidak cepat dibantu akan menyebabkan mereka jatuh dalam perangkap orang-orang Kristian.

## **Pusat Kader-kader Agama:**

Sekarang kita cuba meninjau apakah peranan yang dijalankan oleh orang-orang kita untuk membela agama Islam. Kita tidak menafikan bahawa di sana ada suatu pusat walaupun tidak begitu besar dan kukuh untuk melatih dan mengeluarkan mualigh-mualigh dan kader-kader agama bagi memberi penerangan kepada semua suku bangsa untuk menyiasat dan menyelidik bagaimana penyiaran agama dapat dijalankan dengan memikirkan atau menitikberatkan masalah psikologi, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Kita mengharap bahawa pusat yang dimaksudkan itu hendaklah bertanggungjawab mengadakan mualigh-mualigh yang terlatih dan mempunyai pengetahuan ilmu psikologi, bahasa dan agama yang mendalam. Di dalam ilmu psikologi umpamanya adalah penting untuk memikirkan cara yang patut dijalankan supaya

## **Agama Islam di Malaysia.**

mudah diterima oleh masyarakat sehingga meyakinkan mereka. Sebab tanpa menggunakan ilmu psikologi dalam membuat sesuatu tindakan, usaha kita itu tidak akan memberi bekas dan kesan malahan akan habis di majlis atau di tempat kita memberi penerangan itu sahaja.

### **Perselisihan di Kalangan Umat Islam:**

Di samping itu pusat ini hendaklah memberi penerangan dan penyiaran melalui majalah-majalah agama yang mengandungi beberapa bahasa yang boleh difahami oleh semua kaum. Kalau langkah ini tidak diadakan nampaknya harapan Islam hendak berkembang di kalangan kaum-kaum lain adalah tipis sekali. Kerana selain dari media atau ruangan ini telah diisi oleh agama Kristian kita dapati pula perselisihan di kalangan umat Islam sendiri. Kita tidaklah begitu hairan kalau perselisihan berlaku di kalangan orang ramai yang tidak mengerti dalam soal agama, tetapi apa yang kita bimbang ialah perselisihan yang berlaku di kalangan para intelek agama.

Perselisihan ini bukan sahaja membantutkan perkembangan agama Islam tetapi menambahkan tidak percaya orang ramai kepada golongan intelek agama ini. Dengan secara langsung atau tidak langsung mereka akan mencemuh golongan intelek ini bila mereka tidak berisi atau tidak sedap didengar tetapi perasaan menaruh kepercayaan kepada golongan ini telah hilang. Bila perasaan ini telah wujud di kalangan umat Islam sendiri usahlah diharap bangsa asing akan tertarik

kepada Islam. Bila perasaan tersebut menular di kalangan umat Islam dan bangsa asing yang tak memeluk agama Islam dengan sendirinya mereka menjauhkan diri dari agama Islam dan mendekatkan diri mereka kepada agama Kristian yang organisasi dan cara perkembangannya tersusun rapi.

### **Sebab-sebab Perselisihan:**

Kalau kita meninjau sebab-sebab perselisihan di kalangan para intelek agama atau ulama, kita dapati beberapa faktor besar terutama dalam soal ekonomi misalnya kita dapati ekonomi mereka terlalu rendah, ini ini tidak menjadi kehairanan kerana mereka dilahirkan dari golongan masyarakat Melayu yang memang lemah dalam soal perekonomian.

Dalam pada itu pengaruh dan pendapatan hampir sama diperjuangkan oleh setengah ulama kita (bukan semuanya). Sebuah kampung itu akan dapat menjalani hidup dengan aman jika di situ mempunyai seorang alim sahaja. Tetapi keadaan tersebut akan menjadi keruh apabila seorang alim lain datang ke situ.

Tuduh-menuduh dan pulau memulau menjadi-jadi di antara pengikut-pengikut mereka. Perkara ini akan menjadi lebih dahsyat lagi jika tok-tok alim itu memasuki parti-parti politik yang berlainan ideologinya. Pergaduhan dan pemulauan tersebut bukan sahaja merugikan agama Islam yang didukung oleh mereka tetapi menambahkan lagi sengsaranya umat Melayu yang kepicikan ekonomi dan pengetahuan agama jika perkara ini tak berterusan berlaku usahkan Islam semakin

berkembang tetapi menambahkan kecoh dan tidak fahamnya lagi umat Islam sendiri terhadap gelagat pemimpin-pemimpinnya. Di surau-surau mereka disuruh berbuat baik dan tolong-menolong tetapi orang yang menyuruh itu sendiri bercakaran dan tidak memperdulikan antara satu sama lain.

### **Jerat Kristian:**

Dalam keadaan ini agama Kristian mendapat peluang baik untuk memasang jerat mereka dengan jalan memberikan gambaran betapa buruknya masyarakat Islam. Gambaran ini bukanlah sahaja mempengaruhi bangsa yang tak beragama Islam tetapi juga meracuni tunas-tunas baru Islam dan anak-anak yang terdidik di sekolah yang didirikan oleh *missionary-missionary* Kristian seperti: Katolic High School dan beberapa banyak lagi yang didirikan mereka di serata tanah air. Perkara ini memang pernah berlaku pada masa lalu, sekarang dan masa akan datang. Kalau keadaan tersebut berkembang secara besar-besaran itulah masanya bilangan umat Islam akan bertambah kecil, tinggal hanya menanti saat kehancurannya. Sementara agama Kristian pula maju dan berjaya.

### **Kongres Alim Ulama:**

Kongres Alim Ulama adalah perlu diadakan untuk mengwujudkan satu persatuan yang sanggup menyahut cabaran Kristian dan mengwujudkan persefahaman di antara mereka dengan adanya persefahaman ini dapatlah mereka membuat satu keputusan yang konkret dalam menjalankan perkembangan Islam. Apa yang menyediakan, perjumpaan secara

## Agama Islam di Malaysia

besar-besaran dan menyeluruh cuma beberapa kali sahaja diadakan sejak akhir-akhir ini, tambahan pula perjumpaan tersebut boleh dikatakan tidak pernah menekankan masalah hendak mempertahankan dan mengembangkan bilangan orang Islam di Malaysia. Seperti diutarakan di atas masalah umat Islam pada hari ini bolehlah dikatakan agak berat dan tenat. Oleh kerana itulah sangat perlu ditubuhkan sebuah persatuan. Juga persatuan itu wujud akan mempunyai dua tugas yang besar dalam mempertahankan bilangan umat Islam sendiri supaya mereka tidak lari dari Islam dan menyiarkan agama Islam supaya dapat diterima oleh semua bangsa Malaysia. Selanjutnya persatuan ini dapat bahu-membahu dengan pusat yang diperkatakan di atas dalam memikirkan masalah ekonomi, pelajaran dan sosial.

### Sekolah-sekolah Agama:

Satu perkara yang menyediakan di hari ini ialah sekolah-sekolah agama yang boleh diharapkan pelajarnya menjadi mualigh dan kader-kader agama tidak begitu konkret susunannya. Persamaan sukanan pelajaran di serata Malaysia tidak ada. Ini disebabkan pertumbuhan sekolah agama ini tidak diambil perhatian oleh pihak berkuasa sejak di zaman penjajahan dan tidak ada inisiatif dari sekolah-sekolah agama tersebut untuk membela diri dengan menyatukan dalam satu sistem pelajaran yang sama dan menyeluruh. Oleh itu kerajaan tidak dapat

hendak menilaikan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh mereka untuk mengambil pelajar-pelajar tadi bekerja di pihaknya. Tidak adanya penilaian ini menyebabkan lemahnya semangat penuntut-penuntut hendak belajar. Tindakan tegas dari pengelola sesebuah sekolah tersebut terpaksa diambil dengan memasukkan pelajaran umum (akademi) untuk menyelaraskan dengan dasar pelajaran bagi mendapatkan pengakuan.

Bila tindakan ini diambil sudah tentu akan mengurangkan mata pelajaran agama itu sendiri; setengah-setengah mata pelajaran agama terpaksa dibuang. Untuk mengekalkan semua mata pelajaran agama adalah suatu perkara yang tidak mungkin kerana seolah-olah mengadakan dua buah sekolah dalam satu masa. Bila ini berlaku minat pelajar-pelajar terhadap pelajaran agama makin merosot kerana mereka memikirkan pelajaran agama telah menjadi perkara ‘secondary’ ini menyebabkan mereka lemah dalam menguasai pelajaran agama dan Bahasa Arab. Apabila Bahasa Arab tidak dapat dikuasai dengan sepenuhnya sempitlah pengetahuan agama mereka kerana segala kitab-kitab rujukan agama yang besar dan *detail* tertulis dalam Bahasa Arab. Boleh jadi orang berkata mereka boleh merujukkan di dalam buku Inggeris. Tetapi akan menghilangkan beberapa ciri-ciri, fungsi-fungsi dan jiwa keislaman yang tulen. Akibahnya umat Islam di Malaysia akan merasa sangat berkurangan para ulama atau intelek agama yang benar-benar boleh diharap untuk menyahut cabaran agama Kristian yang semakin bermaharajalela dan berluasan di Malaysia. Agama Kristian

telah mempengaruhi dari serendah-rendah golongan masyarakat hingga setinggi-tingginya, dari suku orang-orang *sanawi* di dalam hutan hingga kepada orang-orang atasan.

### Bilangan Umat Islam Kecil:

Bilangan umat Islam boleh menjadi kecil atau ‘minority’ dengan cara tabii (*nature*) kerana kita ketahui umat Islam khasnya orang-orang Melayu tinggal di kampung-kampung kerap kali diserang oleh bermacam-macam penyakit. Perkara ini dapat dibuktikan misalnya ‘malaria’ selalu bermaharajalela menyerang penduduk-penduduk luar bandar. Mengikut satu penyiasatan umat Melayu yang diserang ‘malaria’ sejumlah 98% (di Kelantan 91%, di Terengganu 89%, di Kedah 83%, di Perak 71% dan di Perlis 71%). Akibat yang didatangkan oleh malaria sangat besar. Selain penyakit itu boleh membawa maut yang mengurangkan bilangan orang-orang Islam, malaria juga melumpuhkan badan dan mencacatkan daya berfikir orang-orang Islam yang progresif, sedangkan suku-suku bangsa lain yang telah banyak memeluk agama Kristian sangat membiak dengan dibantu oleh ekonomi mereka yang teguh. Di samping itu kebanyakan mereka diam di bandar yang mana mereka boleh boleh mendapat rawatan perubatan dengan mudah. Ini bukan sahaja boleh menjaga bilangan mereka yang semakin bertambah tetapi mereka dapat pula menjaga daya berfikir mereka dari tercacat. Oleh yang demikian mereka dapat menambah mualigh-mualigh dan kader-kader Kristian serta menyokong agama tersebut bukan sahaja dengan moral bahkan seterusnya dengan material.

## Agama Islam di Malaysia.

### Pentadbiran Pejabat-pejabat Agama:

Apa yang kita rasa tidak puas hati dengan pentadbiran pejabat-pejabat agama di hari ini ialah dengan adanya orang-orang yang tidak begitu faham dalam agama. Setengah-setengah pejabat agama itu menerima orang yang berpendidikan Inggeris yang tak tahu langsung dalam soal agama untuk berkhidmat di situ. Di sinilah suatu perkara besar yang harus disedari. Kita tahu satu-satu pekerjaan itu akan menyeleweng dan tidak mengikut landasan yang betul jika orang yang bekerja di dalamnya tidak mengerti apa yang dia kerjakan itu. Pejabat-pejabat agama sekarang ini menjalankan tugas-tugas yang begitu sedikit dan ringan. Kerjanya ialah mengutip wang-wang zakat fitrah, memberi bantuan kepada sekolah agama dan membayar gaji-gaji guru-guru agama. Kita merasakan tugas-tugas tersebut patut diperluaskan lagi bidangnya seperti mengadakan bank-bank pejabat agama dengan menyatukan seluruh perjabat-pejabat agama di tanah air dan menjalankan perdagangan untuk menguatkan kewangan pejabat tersebut. Bila kewangan sudah kuat dapatlah mereka mengadakan lebih banyak lagi tabung-tabung kebajikan untuk menolong orang-orang susah dan menarik bangsa asing yang tidak beragama Islam supaya memeluk agama Islam.

### Kementerian Agama Perlu:

Kalaular kiranya tugas tersebut dirasakan terlalu berat atau tak mungkin dicapai oleh pejabat-pejabat agama tadi, sudah tibalah masanya kerajaan Malaysia

mengadakan satu kementerian agama untuk menjalankan tugas-tugas tersebut dengan lebih lancar demi kebaikan agama Islam. Perkara mengadakan kementerian agama sudah kena pada tempatnya sebab kerajaan Malaysia telah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi. Suatu perkara yang tidak mustahil kalau adanya kementerian dan kementerian itu menjalankan tugas dengan tersusun, kita yakin sebahagian besar penduduk Malaysia (walaupun tidak mencapai 100%) akan memeluk agama Islam. Perkara ini berlaku bukanlah akan lebih menyenangkan lagi *problem-problem* yang dihadapi oleh kerajaan? Di samping itu agama Islam dapat dijadikan benteng untuk menahan kemaraan faham komunis bagi mengekalkan dasar demokrasi Malaysia.

### Masuk Melayu:

Tetapi suatu perkara yang menyediakan akan berlaku jika keadaan-keadaan yang ada sekarang tidak lekas-lekas diperbaiki, iaitu bilangan umat Islam akan menjadi '*minority*' di negara Malaysia ini, kalau dahulu bila seorang disebut Melayu bermakna dia beragama Islam, hingga pernah kita menggelar mualaf-mualaf yang masuk Islam dikatakan 'masuk Melayu', tetapi perkara ini tak mungkin buat masa sekarang dan buat masa akan datang, kerana beberapa banyak orang yang berbangsa Melayu tetapi tidak beragama Islam. Adalah sangat dibimbangkan kalau perkara yang ada pada hari ini tidak mendapat pandangan dan perhatian dari para intelek agama, sekiranya perselisihan dan pertelingkahan sesama sendiri tidak

dihentikan maka agama Islam di Malaysia akan menerima saat kehancurannya. Misalnya umat Islam wa<sup>1</sup> negeri Sepanyol (Andalus) telah hancur akibat pertikaian yang tak habis-habis di antara umat Islam sendiri hanya kesan-kesan sejarah sahaja yang masih tinggal sekarang yang jika dikenang akan menitikkan air mata!

### Perhatian:

Gambaran yang telah dibayangkan oleh penulis makalah ini mengenai masa depan orang-orang Melayu Islam, sekarang sudah terbukti di hadapan mata kita, di mana pada bulan yang lalu seramai 87 orang (boleh jadi kesemuanya orang-orang Melayu) telah pun memeluk agama Kristian.

Penukaran agama ini boleh jadi kerana mereka merasakan tidak berpuas hati melihat kepincangan masyarakat Islam atau pun dari kerana terpengaruh dengan kebendaan yang disorong-sorongkan oleh pengembang agama Kristian kepada mereka-mereka yang hidup susah dan tertekan ekonominya.  
*Wa Allahu a'lam.* – Pengarang.

### Harga Langganan Majalah Qalam

6 bulan \$3.60

1 tahun \$7.20

Senaskhah \$0.60

Termasuk belanja *post*.

Pesanlah kepada:

Penerbit QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

<sup>1</sup> dan